



Sumbangan Signifikan Usahawan Wanita

PELIBATAN golongan wanita dalam sektor perniagaan di Malaysia menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan tahun demi tahun, sekali gus golongan ini menjadi penyumbang yang aktif kepada pembangunan ekonomi bagi memacu negara menuju Wawasan 2020. Statistik pada tahun 2010 mencatatkan bahawa populasi golongan wanita di negara ini sebanyak 14.4 juta orang dan kira-kira 46 peratus daripadanya menyumbang kepada pelbagai sektor pekerjaan. Golongan wanita kini lebih dinamik dan berani mencuba sesuatu yang baharu, di samping memperlihatkan kemampuan untuk bersaing dengan golongan lelaki dalam semua bidang.

Peranan wanita generasi hari ini bukan lagi hanya tertakluk sebagai individu yang mengurus hal keluarga semata-mata, bahkan golongan ini merupakan aset penting negara yang

menjadi penyumbang yang signifikan kepada sektor pembangunan negara.

Pada peringkat antarabangsa, wanita kini mewakili satu pertiga daripada jumlah mereka yang terlibat dalam kegiatan keusahawanan dan kaum ini muncul sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang semakin penting apabila antara 40 peratus hingga 50 peratus perniagaan dilaporkan dimiliki oleh golongan ini. Menurut data yang dikeluarkan oleh Global Entrepreneurship Monitor pula, terdapat 126 juta wanita di seluruh dunia yang mengusahakan perniagaan, manakala 98 juta lagi mengurus syarikat perniagaan terkemuka.

Dalam hal ini, golongan wanita di negara ini tidak terkecuali dalam berperanan bagi merencanakan sektor keusahawanan, selain terlibat dalam bidang pengurusan syarikat perniagaan dan kewangan. Jumlah golongan

wanita tempatan yang terlibat dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga mencatatkan peningkatan dengan sumbangan sebanyak 19.7 peratus dalam industri tersebut.

Sementara itu, nilai eksport syarikat milik bumiputera dan usahawan wanita yang menjalani kursus di bawah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), meningkat hampir 200 peratus bagi tahun 2013 berbanding dengan keseluruhan kadar yang dicatatkan pada tahun 2012. Sehingga September 2013, sebanyak 35 buah syarikat bumiputera yang telah menjalani Program Pembangunan Pengeksporn Bumiputera (BEDP) berjaya merekodkan jualan eksport sebanyak RM198.84 juta.

Pencapaian itu merupakan kenaikan hampir 400 peratus berbanding dengan keseluruhan jumlah bagi tahun 2012, yakni 49 buah syarikat berjaya mencatatkan nilai eksport sebanyak RM40.53 juta. Sementara itu, 31 buah syarikat yang dimiliki oleh usahawan wanita berjaya

merekodkan nilai eksport berjumlah RM114.13 juta sepanjang tahun 2013. Program yang dilaksanakan oleh Matrade bagi membantu syarikat PKS wanita melalui Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP). BEDP dan WEDP merupakan program yang menawarkan bantuan kepada usahawan mengenai selok-belok eksport produk dan barangan mereka.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pelibatan wanita dalam sektor PKS lebih menyeluruh, kerajaan sentiasa menggalakkan golongan ini untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan yang berdaya saing. Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan, termasuk pinjaman dana bagi membantu golongan wanita yang berminat untuk menjalankan perniagaan. Memang tidak dinafikan bahawa sumbangan wanita dalam pelbagai sektor dilihat turut membantu pertumbuhan negara secara berterusan dan stabil.

Kerajaan Malaysia yang sentiasa mengikut perkembangan arus perdana

menyediakan prasarana dan sistem sokongan yang baik kepada usahawan tempatan untuk berkembang maju dan sekali gus tidak mengamalkan diskriminasi jantina. Langkah proaktif diambil oleh kerajaan bagi menyediakan keperluan dan memberikan galakan kepada wanita di Malaysia, terutama dari aspek program pembangunan transformasi ekonomi.

**Banyak
program pembangunan
wanita, seperti memberikan
sokongan dalam bentuk
kewangan, khidmat bimbingan
dan nasihat, kemudahan niaga,
serta perlindungan dan latihan,
dilaksanakan dengan tujuan
untuk memperkasakan
kedudukan usahawan
wanita.**

Keupayaan kerajaan untuk menyediakan dana yang besar dengan kepesatan pembangunan yang rancak, menunjukkan pengiktirafan kerajaan kepada rakyat, termasuk kepada golongan wanita. Banyak program pembangunan wanita, seperti memberikan sokongan dalam bentuk kewangan, khidmat bimbingan dan nasihat, kemudahan niaga, serta perlindungan dan latihan, dilaksanakan dengan tujuan untuk memperkasakan kedudukan usahawan wanita yang relevan sebagai satu daripada entiti yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dengan hal yang demikian, usahawan wanita di negara ini seharusnya bijak memanfaatkan peluang yang disediakan bagi memastikan mereka mampu menajankan pendapatan melalui aktiviti perniagaan yang diceburi, khususnya yang melibatkan sektor PKS. Pencapaian sektor PKS yang kini dilihat cukup memberangsangkan antaranya kerana disokong oleh peranan yang dimainkan oleh persatuan usahawan wanita yang lebih teratur dan mantap, menjadi faktor yang signifikan untuk merencanakan pelibatan golongan wanita dalam sektor ini.

Kebanyakan PKS sedia ada di negara ini berorientasikan domestik, justeru terdapat juga syarikat yang sudah melangkaui sempadan dengan bersaing dalam pasaran serantau dan global. Dalam hal ini, kerajaan sentiasa menyokong dan menggalakkan usahawan supaya meneruskan hubungan mereka di rantau ini dan meneroka segmen yang mempunyai masa hadapan yang positif untuk mengembangkan perniagaan. Bagi meneroka peluang di luar sempadan Malaysia, peserta PKS tempatan harus mewujudkan pusat tumpuan utama di setiap negara dengan mengenal pasti rangka kerja perniagaan yang penting, selain peka dengan perkembangan peraturan di negara yang terbabit.

Usahawan wanita perlu melangkah dengan lebih positif dalam melebarkan



